



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
POLITICS, PUBLICS POLICY
AND SOCIAL WORKS
(IJPPSW)**
www.ijppsw.com



**SENARIO DAN DILEMA KERJA PERSAWAHAN SERTA
TINDAKAN KUASA TADBIR NEGERI DALAM ERA
PENDUDUKAN JEPUN DI KEDAH (1941-45)**

*SCENARIO AND DILEMMA OF FARMING WORK AND ACTIONS OF STATE
ADMINISTRATION AUTHORITY IN THE ERA OF JAPANESE OCCUPATION IN
KEDAH (1941-45)*

Mohd Kasri Saidon¹, Zolkefli Bahador²

- ¹ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia.
Email: kasri@uum.edu.my
- ² Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia.
Email: zolkefli@uum.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 11.05.2022
Revised date: 31.05.2022
Accepted date: 16.06.2022
Published date: 30.06.2022

To cite this document:

Saidon, M. K., & Bahador, Z. (2022). Senario Dan Dilema Kerja Persawahan Serta Tindakan Kuasa Tadbir Negeri Dalam Era Pendudukan Jepun Di Kedah (1941-45). *International Journal of Politics, Publics Policy and Social Works*, 4 (12), 23-36.

DOI: 10.35631/IJPPSW.412003.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Artikel ini adalah ulasan dan paparan tentang dua aspek yang berlaku dalam masa pendudukan tentera Jepun di Kedah iaitu kisah kerja penghasilan beras dan pentadbiran Kedah. Kedah telah sedia menjadi medan bekalan beras utama untuk seluruh Tanah Melayu. Ia merupakan produk utama Kedah dan menjadi identiti pengenalan negeri tersebut. Di bawah kuasa Jepun penumpuan usaha bersawah di Kedah begitu ditekankan. Langkah ini juga bertujuan bagi mencapai matlamat misi perluasan kuasa Jepun di seluruh Asia khususnya dalam bekalan makanan bagi perajurit mereka. Sejarah membuktikan Kedah masih boleh menghasilkan bekalan beras walaupun berlaku kekurangan lantaran dari gangguan rentak kehidupan sosial ketika itu yang tidak meransang kepada produktiviti seperti di zaman British. Tatacara tadbir pentadbiran tentera Jepun yang dilihat menekan pesawah juga merupakan antara penyebab hal sebegini berlaku. Pihak Jepun dilihat cuba mengadakan beberapa pelan langkah pembaikan bagi memakmurkan produktiviti namun ia tidak begitu meluas sambutannya. Jabatan Pertanian yang diketuai oleh anak tempatan juga dilihat tidak berupaya melonjak daya lebih produktif dalam usaha bersawah ini sebagaimana sebelum perang. Situasi sosial yang menekan menjadikan pertanian kembali pada saradiri.

Kata Kunci:

Jepun, Kedah, Beras, Pesawah, Sosial

Abstract:

This article is a review and display of two aspects that occurred during the Japanese military occupation of Kedah, namely the story of rice production work and the administration of Kedah. Kedah is ready to be the main rice supply field for the whole of Malaya. It is Kedah's main product and the state's identifying identity. Under Japanese rule, the concentration of paddy fields in Kedah was emphasized. The move is also aimed at achieving the mission goal of expanding Japanese power throughout Asia especially in the supply of food for their soldiers. History proves that Kedah can still produce rice supply despite the shortage due to the disruption of social life at that time which did not stimulate productivity as in the British era. The governance of the Japanese military administration, which is seen as oppressing the farmers, is also one of the reasons for this to happen. The Japanese are seen trying to come up with some improvement measures to improve productivity but it is not very widespread. The Department of Agriculture, led by local children, is also seen as not able to be more productive in this farming effort as before the war. The oppressive social situation made agriculture return to self-sufficiency.

Keywords:

Japanese, Kedah, Rice, Farmers, Social

Pengenalan

Perang Dunia Kedua adalah antara perang yang utama berlaku di Asia Tenggara dari tahun 1941 sehingga ke tahun 1945. Selepas itu bagi rantau Asia Tenggara ini hanya Perang Vietnam yang dalam dekad 1960an dan awal 1970an yang juga menjadi komposisi sejarah perang di rantau ini. Dalam Perang Dunia Kedua, Tanah Melayu jatuh ke tangan Jepun dari penguasaan British yang berabad lamanya. Walaupun Jepun kemudiannya tewas ditangan pakatan Berikat dengan letupan bom Atom namun kisah pendudukan mereka di Tanah Melayu menjadi satu era singkat yang terkandung pelbagai kisah didalamnya. Pendudukan tentera Jepun telah berlangsung selama hampir tiga tahun lapan bulan di Tanah Melayu. Kedah juga antara negeri yang tidak terkecuali ditadbir oleh pihak tentera Jepun, dalam lapan bulan terakhir pula negara Siam (Thailand) pula mentadbir Kedah hasil dari perjanjian antara pihak Imperial Jepun dengan kerajaan Siam sedari awal kemaraan mereka ke Tanah Melayu. Kedah negeri pertanian, utamanya ialah tanaman makanan seperti padi dan ubi kayu namun hasil paling utama ialah penanaman padi. Tanaman padi ini telah sedia bermula secara progresif semenjak Tuanku Sultan Abdul Hamid menaiki takhta dalam tahun 1881.¹ Sebelum itu ia menjadi tanaman ruji dan sara diri bagi menggantikan lada yang tidak lagi menjadi hasilan utama. Tanah

* Mohd Kasri Saidon merupakan Profesor Madya bidang Pendidikan Sejarah manakala Zolkefli Bahador merupakan Pensyarah Kanan bidang Teknologi Pengajaran di Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia.

¹ Baginda menggantikan Sultan Zainal Rashid yang mangkat, Sultan Abdul Hamid adalah anak kepada Sultan Ahmad Tajuddin Mukkaram Shah dan Wan Hajar.

lanar delta di Kedah dimanfaatkan dengan tanaman padi. Bersawah padi juga merupakan kemahiran turun temurun bagi orang Melayu di Kedah malah juga diluar negeri Kedah.²

Dalam sejarah Kedah usaha bertanam ini dirancang lebih projektif dengan pelan pembinaan terusan di Kedah. Dato Wan Mat Saman selaku Perdana Menteri Kedah menjadi antara pengerak bersama kepimpinan Sultan bagi menjadikan Kedah medan padi dan bekalan beras bakal menjadi sumber ekonomi negeri yang utama.³ Era ekonomi bersifat maritime dengan perdagangan di laut dan muka kuala telah berakhir. Pelabuhan utama di Kuala Muda sudah jauh ditinggalkan dan persaingan perdagangan pelabuhan ini makin sengit di laluan Selat Melaka, Kedah tidak lagi mampu bersaing atau menjadi tumpuan pedagang sepertimana dalam sejarah silam.⁴ Kota kuasa perintah juga telah berpindah ke utara dengan beberapa kota kerajaan dari Kayang di Perlis membawa ke beberapa tempat di Kubang Pasu dan akhirnya bermukim sehingga kini di Kota Setar.⁵ Lalu, projek pemerkasaan tanaman padi diusahakan dan ia ternyata berjaya menjadikan ekonomi Kedah kukuh dengan produk tersebut. Ia begitu jelas pada akhir abad ke 19 dan hingga kini, Kedah bergantung pada produk padi sebagai hasilan negeri.

Namun dari segi kronologi sejarah senario politik dunia mula berubah, bermula dari teretusnya Perang Dunia Pertama dan kemudian Tanah Melayu hanya terlibat secara langsung dalam Perang Dunia Kedua. Kedah menjadi antara negeri terawal dicerobohi Jepun, persediaan besar di buat British bagi mempertahankan Tanah Melayu juga di Kedah. Sejarah menyaksikan pakatan Bersekutu (British dan beberapa negara sekutunya) telah bertempur hebat di *Battle of Jitra*.⁶ Akhirnya Kedah jatuh ke tangan Jepun dan tidak berapa lama kemudian seluruh Tanah Melayu dalam pendudukan Jepun. Bermula dari situ rakyat negeri Kedah dan seluruh jentera pentadbirannya berhadapan dengan suasana baru dibawah pentadbiran tentera Jepun. Artikel ini mengutarakan situasi era Jepun serta kerenah yang dihadapi rakyat dan pentadbiran negeri dalam suasana tadbir Jepun.

Matlamat Penulisan

Perihal tentang Perang Dunia Kedua masih hebat diskusinya diluar negara namun di Malaysia dilihat ia kurang diberi fokus utama. Apatah lagi aspek sejarah masih belum dilihat menjadi pemerhatian utama rakyat secara umumnya. Sejarah begitu bermusim di Malaysia dan percakapan hal sejarah hanya makmur dikalangan ahli sejarah dan pendidik. Artikel ini ingin membawa kembali satu aspek dalam pensejarahan negara khususnya bagi negeri Kedah tentang situasi sosial yang dihadapi rakyat negeri dan Tanah Melayu secara keseluruhannya. Komposisi sejarah negara perlu “dirakyatkan” dan menjadi perkara pokok dalam pemahaman

² Ada orang Kedah yang berhijrah ke luar Kedah dan mengambil usaha bertanam padi sebagai saraan utama atau sampingan. Di Perak misalnya ada sawah yang diusahakan dari penghijrah Kedah.

³ Wan Mat Saman lahir di Alor Jangus, kira-kira 9 km dari Alor Setar dalam tahun 1830, menjadi Dato Perdana Menteri (sekarang disebut Menteri Besar). Beliau mengiringi Sultan Ahmad Tajudin dalam lawatan ke Bangkok dalam tahun 1865 dan melihat pembangunan di sana. Idea terusan adalah sama dengan *Khlong* yang ada di Siam ketika itu.

⁴ Kesan sejarah kegemilangan lama masih kekal dengan jumpaan arkeologi di kawasan Sungai Batu yang tidak jauh dari kampus Uitm di Merbok, daerah Kuala Muda, Kedah.

⁵ Antara kota yang bermukim lama ialah Kota Siputih dan Kota Bukit Pinang, terdapat juga kota perintah yang berada di negeri Perlis sekarang seperti Kota Kayang.

⁶ Kesan binaan kubu atau Pillbox oleh pihak British bagi menghalang kemaraan tentera Jepun masih lagi ada di sekitar Kubang Pasu. Kubu yang ada masih kukuh seperti sebelumnya.

rakyat. Berbalik pada tujuan artikel ini, dalam sejarah negara kita tidak banyak peristiwa yang melibatkan sekatan dan kekurangan makanan terjadi. Ini disebabkan situasi sosial yang sebelum ini tidak banyak menekan rakyat untuk berdepan dengan situasi tersebut. Di Kedah, perang yang panjang hanya berlaku dalam tahun 1821-1839, namun ia begitu ia telah begitu klasik. Dalam era moden abad ke 20 hanya Perang Dunia Kedua sahaja yang memberi impak sosial yang begitu teruk pada Tanah Melayu. Kedah kekal menjadi nadi untuk bekalan beras Tanah Melayu ketika itu, kondisi inilah yang semakin dilupakan dalam sejarah.

Sumber Penulisan

Pelbagai sumber menjadi teras pada penulisan ini, ia termasuk catatan dari fail Setiausaha Kerajaan Kedah di era Jepun, temubual dan juga olahan dari penulis akademik. Artikel ini membawa kembali satu penelitian tentang peristiwa yang telah dilalui anak negeri dan kuasa perintah ketika itu. Kebanyakan sumber adalah dari penulisan dari sumber asal sama ada menulis kembali memoir atau mengupas cerita dari pengalaman lampau. Almarhum Tunku Abdul Rahman adalah antara yang menyebut perihal pengalaman beliau semasa Jepun memerintah. Tulisan ahli sejarah Kedah, Augustine adalah catatan dari apa yang dilihat dan dialami dalam tempoh masa yang sama. Tidak terkecuali dengan Ahmad Meah Baba Meah yang mengalami sendiri kancas serangan pesawat Jepun di George Town, Pulau Pinang. Penulisan sumber kedua pula dari penulis sejarah seperti Mohd Isa Othman, Teh Koon Ho dan Ismail Ibrahim misalnya telah mengupas peristiwa dengan saringan akademik yang kukuh. Ini ditambah lagi dengan temubual warga masa yang pernah melalui zaman pancaroba tersebut, aspek ini dikira dapat mengukuhkan lagi kandungan artikel.

Senario Hidup Bertani di Zaman Jepun

Jika British dilihat lebih lunak dan berdiplomasi dalam urusan kerja dan tadbirnya, ia amat berbeza dengan pentadbiran tentera Jepun. Kuasa perintah yang baru ini lebih keras dan ada aspek kekejaman dilakukan ke atas anak negeri demi mencapai impian mereka untuk menguasai Asia. Dalam sejarah pendudukan Jepun di Kedah, terdapat juga paksaan rakyat dalam kerahan tenaga oleh Jepun. Lebih menakutkan lagi apabila rakyat termasuk juga pesawah tidak terlepas daripada kerahan tenaga pihak Jepun. Pada 20 November 1943 Jepun telah mengeluarkan arahan untuk mendapatkan buruh kerahan. Perkara ini termasuklah arahan kerja untuk kerja-kerja pertanian yang diarahkan Jepun. Daripada 250 orang rakyat berumur 20 hingga 45 tahun setiap daerah, 20 orang akan dikerah sebagai buruh Jepun. Ini termasuk juga buruh jalan keretapi maut digelar sebagai '*Romusha*' yang dihantar ke Thailand dan Burma. Dari keseluruhan buruh Tanah Melayu yang seramai 73, 502 orang, 12,074 adalah rakyat Kedah.⁷ Terdapat juga penentangan ke atas arahan yang sebegini, Tunku Abdul Rahman selaku Pegawai Daerah Kulim misalnya yang gagal menyediakan buruh dan menentang pemaksaan sebegini telah diarahkan Jepun bertukar dalam masa 12 jam.⁸

Di peringkat awal pendudukan Jepun, bekalan makanan masih lagi mencukupi. Namun apabila berbulan kemudiannya kekurangan bekalan makanan mula berlaku, Kedah adalah sandaran bekalan. Apabila krisis bekalan makanan mula runcing, di Kedah bekalan beras yang terdapat di kilang telah menyusut dari 70,000 pikul dalam tempoh April hingga Jun 1944 kepada 10,000

⁷ Mohd Isa Othman, Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1992, hlm.96

⁸ Tunku Abdul Rahman, As a Matter of Interest, Kuala Lumpur: Heineman Asia, 1981, hlm,158

pikul pada tempoh Julai hingga September tahun yang sama.⁹ Bagi luar Kedah seperti di bandar Pulau Pinang yang tiada kawasan persawahan kekurangan bekalan beras dirasakan semenjak akhir tahun 1942 lagi.¹⁰ Di Kedah bukan hanya beras yang mulai berkurangan malah kerbau dan lembu milik penduduk juga tidak terlepas daripada menjadi sasaran Jepun. Pesawah mengalami kekurangan kerbau bajak untuk tujuan persawahan. Jepun menggunakan agensinya yang dipanggil Pusat Kawalan Makanan untuk mengimport 3,966 pikul beras dari Siam bagi menampung keperluan tempatan namun jumlah tersebut masih tidak mencukupi. Kesan kekurangan beras dirasai oleh kawasan bukan persawahan utama seperti Kulim, Baling dan Bandar Bahru.¹¹

Langkah Pentadbiran Jepun

Jepun kemudiannya telah mengambil langkah kawalan beras serta catuan barangan makanan.¹² Sesuatu yang boleh dianggap begitu memeras apabila bekalan beras di kilang milik Jepun diutamakan kepada penggunaan pihak Jepun sahaja dan bukanlah untuk bekalan umum.¹³ Harga beras pula ditetapkan Jepun dengan nilai \$12.00 seguni dan padi pada \$2.70 seguni (wang Jepun).¹⁴ Namun wang Jepun tanpa sandaran emas antarabangsa ini sudah tidak lagi bernilai untuk tujuan dagangan. Harga padi sebegitu tidak lagi memberi makna pada pesawah malah penduduk umumnya.

Jabatan *Omu-Ka* (Pertanian) sebelum itu telah mengorak langkah dalam mengatasi krisis makanan ini.¹⁵ Tunku Yaakop yang menjadi tunjang jabatan tersebut di samping kebanyakan tenaga kerja zaman British terdahulu yang tetap dalam Jabatan Pertanian terus berusaha ke arah mempertingkatkan keluaran hasil makanan khususnya padi.¹⁶ Jepun menggunakan Jabatan Pertanian bukan hanya sebagai saluran kepada penambahan bekalan makanan untuk kegunaan dalam negeri tetapi juga untuk menjamin bekalan untuk tentera mereka di luar Kedah tidak terjejas. BANCIAN terhadap tanah persawahan, bilangan pesawah dan hasil dijalankan dengan kerap oleh pihak Jepun. Para penghulu diberikan tugas sebagai pelaksana perkara tersebut dan jawatan ‘mata-mata padi’ diwujudkan.¹⁷ Jabatan Pertanian pula mengarahkan Pegawai Daerah memainkan peranan sebagai penggalak rakyat bertanam padi.¹⁸ Namun situasinya adalah lebih baik daripada negeri lain yang tidak mempunyai sawah yang luas, seperti laporan Jabatan Pertanian Kedah;

⁹ (SUK/K) 418/87 (Jepun)

¹⁰ Ahmad Meah Baba Meah, *Penaklukan Jepun*, Suka Duka George Town, Kuala Lumpur: Media Indah, 1992, hlm.75. Para pekedai makan mula menghentikan jualan nasi semenjak bulan Disember 1942

¹¹ (SUK/K) 241/88 (Jepun)

¹² (SUK/K) 465/2602 (Jepun)

¹³ (SUK) 810/87 (Jepun)

¹⁴ Lee Say Lee, “A Study of The Rice Trade in Kedah Before and During the Japanese Occupation” *Malaysian in History*, No.24/19 hlm. 113

¹⁵ Mohd Isa Othman, op.cit.hlm.41

¹⁶ Tunku Yaakop adalah anak Sultan Abdul Hamid, mendapat pendidikan tinggi di England dan mendalami bidang pertanian di Trinidad. Beliau pernah menjadi duta di Britain selepas Tanah Melayu merdeka.

¹⁷ (SUK/K) 134/03 (Jepun). Para Penghulu menjadi kerani pihak Jepun untuk menyediakan padi untuk Jepun dalam mukim mereka.

¹⁸ (SUK/K) 574/88 (Jepun)

“Rakyat negeri tampaknya tiada merasa kepayahan seperti orang-orang di dalam negeri-negeri lain di Tanah Melayu dengan kerana kebanyakan, ia apa mencari kehidupan dengan jalan menanam padi dan beras, sekarang memadailah perolehan ia apa sekalian.”¹⁹

Tanaman padi dua kali setahun diperkenalkan, para pesawah Kedah hanya menanam padi sekali setahun sebelumnya. Ianya dikenali sebagai ‘semusim’. Bertanam padi dua kali setahun bererti terdapatnya dua musim persawahan dalam setahun. Langkah ini sememangnya agak bercanggahan dengan budaya dengan sosio-ekonomi masyarakat tempatan Kedah.²⁰ Jepun juga mengalakkan agar lebih banyak tanah sawah dibuka untuk penanaman padi. Di Kubang Pasu misalnya, pihak Jepun memberikan insentif sebanyak \$1,500 untuk perbelanjaan pembukaan tanah sawah yang baru dari kawasan hutan gelam.²¹

Namun demikian tidak semua tempat ditawarkan kemudahan sebegitu, di Langkawi misalnya tidak terdapat usaha sebegitu untuk mewujudkan kawasan sawah yang luas.²² Tumpuan Jepun hanyalah kepada kawasan pertanian yang telah sedia maju seperti di Kubang Pasu. Apa yang ditawarkan di Langkawi hanyalah tanaman makanan sokongan seperti jagung, pisang, ubi kayu dan padi sawah serta huma. Di Langkawi penanaman padi ditekankan hanya kepada teknik menanam dan bukan membina atau memajukan prasarana sedia ada.²³

Desakan dan galakan daripada pihak Jepun menyebabkan program ini diteruskan juga. Pusat latihan pertanian yang dikenali sebagai *Noji Kunrenjo* dibina di beberapa tempat, antaranya di Telok Chengai.²⁴ Pesertanya dipilih oleh penghulu di setiap kampung untuk belajar teknik pertanian ala Jepun. Mereka juga diterapkan semangat *Shoshin* (semangat padi) yang mengangkat harga diri para petani yang dipandang rendah pada zaman kolonial.²⁵ Malah kakitangan pejabat kerajaan di Alor Setar juga diarah turun di untuk menanam padi dalam waktu kerja di kawasan yang berhampiran.²⁶

Hal yang serupa juga berlaku hampir di semua negeri di Tanah Melayu, pusat latihan dan penggalakkan kerja bertani dibuat walaupun dengan peruntukan yang kecil daripada pihak

¹⁹ SUK/K 87/2487 (Jepun)

²⁰ Temubual dengan Hj Bakar Awang, 97 dari Kampung Tengah Mukim Keplu, Kodiang, Kedah pada 25 Oktober 2010, beliau masih lagi ingat tentang amalan berbandang mengikut kalendar Bulan Piama dan juga resam bertanam sekali setahun.

²¹ SUK/K 389/2602 (Jepun)

²² Antara permasalahan utama di Langkawi ialah tidak ada sistem pengairan sokongan selengkapnya berbanding di tanah besar. Aliran sungai juga ditidak banyak untuk menyokong perluasan kawasan sawah. Sebagai contoh Kampung Bendang Baru di Kuah hanya mendapat nama apabila medan sawah baru dapat dibuka dengan bekalan air dari telaga, kawasan telaga itu dahulunya dikenali sebagai Telaga Tong, kini telah menjadi sebahagian dari bandar Kuah dan nama tempat Telaga Tong itupun tidak lagi dikenal orang.

²³ Ismail Ibrahim, *Zaman Jepun di Langkawi*, latihan ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1997, hlm, 66

²⁴ Pusat ini masih ada dan kekal menjadi pejabat latihan pertanian, ia terletak di Telok Chengai tidak jauh dari pekan Kuala Kedah.

²⁵ Teh Koon Hoo, “Pendudukan Jepun di Yan” dalam Mahani Musa & Ahmad Jelani Halimi (Peny), *Warisan Mahawangsa Kedah*, Alor Setar: Persatuan Sejarah Cawangan Kedah, 2006, hlm. 168. Berita tentang aktiviti latihan penanaman padi versi Taiwan ini juga terbit dalam akhbar *Malai Simpo* (akhbar Malay Mail zaman Jepun) bertarikh 23hb. Januari 1943, lihat Zakiah Hanum, *Thought for Today and News of The Day*, Kuala Lumpur: Adhicipta (M) Sdn.Bhd., 1997, hlm. 5

²⁶ Dato’ James F. Agustine, 1996. *Kedah Zaman Silam*, Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah, hlm.181

kerajaan Jepun sendiri. Martabat petani dinaikkan melalui kempen dan kata-kata perangsang, matlamatnya dua dalam satu iaitu menyelesaikan masalah kekurangan makanan dalam negara dan menyediakan bekalan yang cukup bagi misi penaklukan seterusnya. Salah seorang pengetua pusat latihan pertanian di Negeri Sembilan bernama Nakamura secara jelas menyebut;

*“No country in the world prospered without agriculture. Nobody live without food and therefore it is just common sense that we should have food and plenty of it.”*²⁷

Bagi pegawai kerajaan di Kedah pula senarionya hampir sama dengan pegawai lain di Tanah Melayu. Mereka diberikan bantuan catuan gula, beras dan pakaian, istimewanya di Kedah kerana bekalan beras boleh dikatakan tidak kritikal seperti negeri-negeri lain.²⁸ Pulau Pinang yang terlalu bergantung kepada beras Kedah lebih merasai deritanya, pada era akhir pendudukan Jepun catuan beras yang lebih memeritkan dikenakan ke atas penduduk;

Catuan Beras Mulai 1 Jun 1945 ²⁹

Jantina	Bandar (Kati Sebulan)	Luar Bandar
Lelaki	3	1 ½
Perempuan	2	1
Kanak-kanak	1 ½	½

Sumber: Catatan diari peribadi Kapten Baba Ahmed.

Ahmad Boestamam yang tinggal di Perak mengingati suasana penderitaan zaman Jepun dengan;

*“Pada ketika itu hidup rakyat semakin sempit. Kehidupan pegawai-pegawai kerajaan juga tidak terkecuali. Nilai wang Jepun telah jauh menurunnya, sedangkan jumlah gaji diterima tidak bertambah sedikit pun. Beras sukar didapati dan di pasar gelap harganya melambung. Jadi, bagaimana hendak membeli beras kalau wang tidak ada?”*³⁰

Satu catatan diari tentang hal ini dibuat oleh Kapten Baba Ahmed bekas pegawai tentera sukarela British yang memetik dari arahan kerajaan Jepun terhadap penduduk Pulau Pinang dalam usaha kawalan bekalan makanan di penghujung pendudukannya. Ia satu bentuk amaran yang keras daripada kuasa pemerintah dan melambangkan kesempitan untuk menyediakan bekalan makanan itu sendiri. Jelas didapati ia hampir sama dengan apa yang dipraktikkan di Kedah;

²⁷ Ia diterbitkan dalam *Malai Simpo* bertarikh 3hb. Februari 1943, lihat Zakiah Hanum, *op.cit.*, hlm. 10

²⁸ Gula pasir dan pakaian antara perkara yang sukar diperolehi, bagi menggantikan gula nira kelapa dan nipah dijadikan gula kabung atau dalam loghat Kedah disebut “gula gerek”.

²⁹ Ahmad Meah Baba Meah, *op, cit.* hlm. 159. Ia didasarkan kepada *Notis Kerajaan No.26*

³⁰ Ahmad Boestamam, *Memoir Ahmad Boestamam-Merdeka dengan Darah dalam Api*, Bangi: Penerbit UKM, 2004, hlm. 66&88

Notis Kerajaan No.29 (Penang Shu Chokan)

*Mulai dari tarikh notis ini tidak sesiapa pun individu atau syarikat selain mereka yang telah menerima kuasa yang boleh membeli sayur-sayuran, ikan, telur dan bahan-bahan keperluan hidup yang tertakluk kepada perintah kawalan bahan makanan terus menerus daripada petani-petani dan nelayan-nelayan. Sesiapa yang melanggar perintah ini akan menerima hukuman mati.*³¹

Bekalan benih dari Taiwan dari jenis *Kanan Gi Ghora*, *Guan Shin Kai*, *Khi Bin Hun*, dan *Rio Shun* dibawa ke Kedah dan dicuba di beberapa tempat untuk kaedah hasilan yang lebih cepat tuai. Di beberapa tempat ianya memberikan hasil yang memberangsangkan. Benih jenis *Khi Bin Hun* misalnya hanya mengambil masa 100 hari untuk dituai hasilnya. Hasilan yang pantas adalah impak positif kepada kempen menambah bekalan makanan yang dinamakan sebagai *Shokuyo Zozan*.³²

Antara tempat yang terawal dicuba benih-benih baru tersebut ialah di Telok Chengai, Alor Malai dan Titi Hj. Idris bagi daerah Kota Setar. Di Kubang Pasu, ianya dicuba di Melele dan Pulau Nyior, benih tersebut juga ditanam di Lubuk Boi dan Permatang Keramat di Yan. Di Kulim, beberapa tempat telah dicuba termasuklah Keladi dan Kelang Lama. Bagi daerah Kuala Muda, benih tersebut ditanam di Rantau Panjang dan di Kampong Bongor bagi daerah Baling.³³ Akhbar tempatan juga dijadikan medan kempen oleh pihak Jepun, akhbar propaganda Jepun *Matserohi* ada memetik tentang kaedah penanam kepada para pesawah.³⁴ Akbar Malai Simpo memetik komen pedas terhadap polisi British oleh Yamaghuci salah seorang ketua pengawal bekalan makanan di Tanah Melayu dengan;

*“Talking the present economic condition of the world into consideration, I should say Malai is comparatively well favored. Natural resources are abundance, land is very fertile and plenty of fruits and vegetables are available. But the one fault is that no attention had been paid by the British Regime to make this country self-supporting in rice and other food stuffs. This was mainly due to the selfishness of Britain.”*³⁵

Para wartawan Singapura pula yang melawat pusat pertanian Telok Chengai melaporkan;

*“Padi Taiwan yang sudah berbuah dengan lebatnya ialah yang menarik hati sekali “jika ditanam padi Taiwan ini” kata Tuan Pengetua Sekolah itu: di dalam masa tiga bulan sahaja boleh keluar buah pada hal padi Kedah berkehendak masa dua kali daripada itu.”*³⁶

³¹ Ahmad Meah Baba Meah, *op, cit* hlm. 109

³² Teh Koon Hoe, *op, cit.* hlm. 168

³³ “Sejarah Penanaman Padi di Kedah-Temubual dengan Tuan Hj Abd. Rahim Hj Ahmad”, Koleksi Kedah, Perpustakaan Awam Kedah, hlm. 1

³⁴ Akhbar *Matserohi*, bil. 418 bertarikh 29.6. Tahun Syuaa 18, hari Selasa- Koleksi Kedah, Perpustakaan Negeri Kedah, Alor Setar. Akhbar ini berharga satu sen senaskah dengan enam halaman, keluaran sulungnya bermula bulan Jun 1942 dan akhir keluaran pada Ogos 1943.

³⁵ Zakiah Hanum, *op.cit.* hlm. 14

³⁶ Mengikut *Penang Shimbun* bertarikh 24 Julai 1945, wabak ini menular dari wilayah Songkla di Siam dan masuk melalui Kuala Perlis. Kerajaan terpaksa melakukan suntikan anti taun untuk membendung wabak tersebut, rujuk Ahmed Meah Baba Ahmed, *op, cit.* hlm.164

Pihak Jepun juga mengadakan pertandingan hasil padi dari benih-benih yang terpilih yang ditermakan semasa itu sebagai 'mata padi'. Berdasarkan siaran pihak Jepun pertandingan ini bertujuan;

*"Pertandingan seumpama ini mustahak juga diadakan daripada satu masa ke satu masa oleh kerana mengemarkan ahli-ahli bendang menyimpan benih-benih yang baik iaitu benih-benih yang tiada bercampur dan juga benih-benih padi pilihan bertambah baik."*³⁷

Di Yan, Gabenor Sukegawa dan Pegawai Daerah dan telah turun ke sawah dalam demonstrasi penanaman padi benih Taiwan tersebut.³⁸ Ia juga sebagai satu bentuk perang psikologi kepada rakyat yang menonjolkan betapa pembesar Jepun sanggup bergelumang lumpur bersama rakyat berbanding penjajah British. Namun dari segi pelaksanaan secara umum ianya masih gagal disebabkan situasi semasa seperti bencana alam, serangan serangga, penyakit padi serta sikap pentadbiran Jepun. Hal ini termasuk juga wabak taun yang melanda Kedah yang sedikit sebanyak menjejaskan pergerakan rakyat. Penyakit padi pula tidak terkawal disebabkan kurangnya perbelanjaan ke arah itu. Penanaman hanya bersandarkan baja asli ke atas benih-benih yang tidak tahan penyakit yang umumnya dipraktikkan rakyat seperti Radin Cina, Radin Keling dan Itam Merah.³⁹

Bencana alam pula misalnya, banjir besar telah melanda Kedah pada penghujung tahun 1942. Hampir semua daerah hasil padi menjadi mangsa, di Kubang Pasu seluas 2,602 relong sawah padi ditenggelami air. Pihak pentadbir Jepun di Kubang Pasu meluluskan bantuan khas sebanyak \$6.00 pada setiap mangsa banjir bagi membeli makanan.⁴⁰ Di Yan, yang merupakan antara penyumbang terbesar juga tidak terlepas daripada kerugian akibat banjir. Malah Baling yang berkawasan bukit juga dilanda banjir, seluas 90 relong menjadi mangsa.⁴¹ Daerah Kuala Muda terpaksa membekalkan beras kepada daerah Baling, ada di kalangan penduduk Baling yang terpaksa menjadikan ubi kayu sebagai pengganti beras.⁴² Kulim juga tidak terlepas dari kejadian banjir, cuma jumlah sawahnya adalah yang terkecil menjadi mangsa air bah, sekadar 49 relong.⁴³ Musibah kemarau yang panjang juga melanda Kedah semasa di bawah perintah Jepun sebanyak dua kali iaitu dalam tahun 1942 dan 1943. Antara tempat yang mengalami kekurangan beras yang teruk ialah Langkawi. Penduduk di sana juga terpaksa menjadikan ubi kayu, keledak, kelapa dan pisang sebagai gantian nasi. Ismail Ibrahim seorang penyelidik menyatakan hampir 95 peratus penduduk Langkawi hidup menderita di bawah perintah

³⁷ Laporan "Wartawan-Wartawan Syonan Melawat Kedah, Matsuroi, 1942" dalam *Alor Setar 250 Tahun*, terbitan Kerajaan Negeri Kedah, 1990, hlm. 142

³⁸ (SUK/K) 292/2602 (Jepun)

³⁹ (SUK/K) 480/2602 (Jepun) lihat juga Bob Recce, *Masa Jepun- Sarawak Under the Japanese 1941-45*, Kuala Lumpur: Sarawak Library Society, 1988, hlm. 70. Benih padi arahan Jepun di Sarawak dikenali sebagai 'empakap', paksaan penanamannya juga tidak memberikan hasil yang banyak disebabkan tidak sesuai dengan tanah serta cuaca.

⁴⁰ (SUK/K) 480/02 (Jepun)- bayaran tersebut dinyatakan sebagai 'lapik makan'.

⁴¹ SUK/K 480/02

⁴² SUK/K) 465/02 (Jepun). Menurut pentadbir daerah Kuala Muda penduduk Baling sudah empat hari keputusan beras dan terpaksa memakan ubi kayu untuk menahan lapar. Pentadbir daerah Kuala Muda kemudiannya mengarahkan dua pembekal beras iaitu Sin Ju Sin dan Li An untuk menghantar bekalan 50 guni ke Baling dengan kawalan polis.

⁴³ (SUK/K) 480/02 (Jepun)

Jepun.⁴⁴ Moral dan minat rakyat terhadap kerja bersawah juga jatuh akibat daripada dasar monopoli dan pengambilan lebih hasil padi oleh Jepun yang dilihat tidak memberikan kesejahteraan kepada rakyat.⁴⁵ Syarikat kerjasama khasnya untuk pinjaman bagi membantu pesawah sepertimana yang ditubuhkan pada zaman British dahulu digerakkan kembali. Ia berjalan seperti biasa namun keberkesananannya adalah tidak seperti dahulu. Sebanyak 27 syarikat dihidupkan namun hampir setengah daripada jumlah itu sudah tidak seaktif dulu dan ada yang mati. Para peminjam tidak lagi mahu meminjam setelah pembayaran selesai dibuat, tumpuan mereka telah tersasar jauh daripada matlamat mengerjakan sawah seperti zaman sebelum Jepun. Dalam laporan tahunan kepada Setiausaha Kerajaan Kedah bagi tahun 1943 dinyatakan;

“...is not encouraging; in fact, they present a somewhat gloomy picture. The impact of war is very much felt by these Societies. Members have no time to pay any attention to their societies as before the war. Some members have lost interest. They are more concerned on their live hood, growing more foodstuffs and trying to earn as much money in order to cope with prevailing conditions.”⁴⁶

Kesannya hasil dalam negeri pada zaman pula telah menunjukkan pola menurun dalam pengeluarannya. Dari keluasan tanah membawa kepada hasil yang jauh merosot dari tahun mula kemaraan pihak Jepun menjajah Tanah Melayu. Jadual di bawah menunjukkan penyusutan tersebut;

Hasil Padi di Kedah 1940-1946

Tahun/Musim	Luas kawasan (Ekar)	Hasil (Gantang)
1940-41	265,460	100,582,000
1941-42	267,140	91,451,000
1942-43	272,140	88,381,000
1943-44	278,790	71,353,328
1944-45	232,840	65, 727,000
1945-46	213,830	62,954,00

Sumber: Mohd Isa Othman, *Pengalaman Kedah Perlis – Zaman Penjajahan British*⁴⁷

Jika disandarkan angka di atas terdapat pertambahan keluasan tanah sawah semasa Jepun iaitu pada tahun 1942-1944. Hal ini dapat disandarkan kepada situasi semasa pada masa tersebut di mana bermula penghujung tahun 1942 bahawa kekurangan bahan makanan dan keperluan hidup mula terasa. Harga beras mendadak naik, sebagai contoh di Yan yang terkenal dengan penanaman padi beras melonjak naik dari 25 sen segantang dalam tahun 1941 kepada \$ 1.00 dalam tahun berikutnya dan naik lagi kepada \$200 dalam tahun 1943.⁴⁸ Di luar Kedah khasnya di Pulau Pinang sebagai negeri yang hampir, harga meningkat pada \$300 segantang. Ia satu

⁴⁴ Ismail Ibrahim, *op. cit.*, hlm. 64

⁴⁵ Rujuk Mohd Isa Othman, *Pengalaman Kedah Perlis – Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Pub.,2001, hlm. 81

⁴⁶ (SUK/K) 1115/2487 (Jepun)-Antara yang aktif ialah 'The Ah Putat Rural Credit Society' yang terus membuat pinjaman kepada pentadbiran koperasi induk peringkat negeri bagi kemudahan ahlinya. Syarikat ini berpusat di mukim Ah, tidak jauh dari Kodiang dan merupakan kawasan persawahan.

⁴⁷ Mohd Isa Othman, *op. cit.* hlm. 80

⁴⁸ Teh Koon Hoe, *op. cit.* hlm. 174

harga yang amat tinggi jika dibandingkan dengan gaji seorang kerani rendah yang hanya sekitar \$35 sahaja sebulan.⁴⁹

Bekalan musim persawahan dalam tahun 1941-1942 mula kehabisan dan para pesawah terpaksa memulakan musim dengan suasana baru yang penuh dengan kepayahan. Di Yan misalnya, rakyat mengalami kepayahan bersawah kerana sebahagian pesawah dipaksa untuk bertanam padi dengan keluasan 150 relong bagi keperluan pihak Jepun. Perkara ini tidak termasuk paksaan untuk menanam sayur di kaki Gunung Jerai seluas 500 relong juga untuk Jepun.⁵⁰ Namun keluasan sawah dan hasil menyusut kembali dalam musim bersawah 1944-1945 di kala pihak Jepun mula galak mengawal hasil beras di Kedah. Dalam keadaan sebegitu pun dalam tahun 1945 Kedah masih juga menghantar keluar hasilnya dalam bentuk padi untuk negeri-negeri lain di Tanah Melayu sebanyak 24,391 tan.⁵¹

Kekurangan beras seperti yang dinyatakan dari awal di selatan Kedah dibuktikan dengan rekod SUK yang melaporkan beberapa pembukaan tanah kawasan bersawah. Di daerah Bandar Bahru misalnya dalam tahun 1945 kawasan bertanam padi bertambah dari 6756 relong menjadi 4601 relong. Pertambahan yang lebih daripada 2000 relong ini dapat dikaitkan dengan keperluan beras yang genting sedangkan kawasan Bandar Bahru lebih kepada tanaman kolonial sebelumnya.⁵² Juga berlaku di Yan apabila penduduk luar daerah tersebut datang membuka tanah paya nipah seluas 100 relong menganjur sepanjang pantai dari Titi Bakong ke Kuala Yan untuk ditanam padi. Keluasan asal kawasan tersebut hanyalah 50 relong tetapi telah meningkat menjadi 150 relong dalam masa pendudukan Jepun.⁵³ Dalam tahun 1943 jumlah keluasan tanah sawah ialah 411,252 ekar dengan daerah Kota Setar sebagai daerah sawah terbesar.⁵⁴

Jumlah sawah yang luas dilihat telah dimanfaatkan Jepun bukan hanya untuk penambahan hasil beras tetapi juga dengan pembuatan hasil hilirannya (*cottage industry*). Pelbagai alatan seperti tali-temali, sarung botol dan guni beras yang terhasil daripada tumbuhan yang ada di kampung termasuk jerami padi dipasarkan kepada pihak Jepun melalui sebuah syarikat milik Jepun bernama *Daimaru*. Dalam fail Arkib Negara Cawangan Kedah/Perlis terdapat satu senarai tentang taruhan wang yang perlu diberikan kepada pengilang untuk mengambil guni mengisi padi lantaran guni pada masa tersebut sudah menjadi barangan yang bernilai.⁵⁵

Perintah Jepun dalam usaha penambahan makanan ini kadang-kala keterlaluan. Pihak Jepun telah menggunakan para penghulu dan ketua kampung (*Dancho*) untuk membanci jumlah penduduk dan hasil padi. Setiap jelapang yang menyimpan lebih daripada lima 'nalah' padi atau beras (1 nalih bersamaan 160 gantang) akan ditandakan dan dirampas. Ada juga kawasan yang dibenarkan sejumlah 300 gantang setahun untuk kegunaan keluarga.⁵⁶ Ada ketikanya

⁴⁹ Ahmad Meah Baba Meah, *op. cit.* hlm. 166-167.

⁵⁰ (SUK/K) 1050/87 (Jepun)

⁵¹ (SUK/K) 55/2602 (Jepun)

⁵² (SUK/K) 72/88 (Jepun), lihat juga Ahmad Meah Baba Meah, *op. cit.*, hlm. 66 dan 117, terdapat pengurangan jumlah penduduk dalam Pulau Pinang apabila sebahagiannya berhijrah ke tanah besar untuk melakukan kerja bertani bagi menampung penghidupan.

⁵³ Teh Koon Hoo, *op. cit.* hlm.168

⁵⁴ (SUK/K) 208/1372

⁵⁵ SUK /K 96/2602 (Jepun)

⁵⁶ Ismail Ibrahim, *op. cit.* hlm. 63 dan lihat juga Jaafar Hamzah, "The Malays in Tasek Gelugor During the Japanese Occupation" *Malaysia in History*, Vol. XXI, No.2/1978, hlm. 58

tanah yang diberikan kepada rakyat tidak sesuai untuk sesuatu tanaman yang dicadangkan pemerintah Jepun tersebut. Di Kulim misalnya, Jepun menggesa supaya ladang getah ditebang dan ditanam kapas serta padi. Beberapa ladang yang elok dengan tanaman getah telah diusahakan dengan tanaman kapas dan padi. Malangnya muka bumi Kulim dan cuacanya tidak bersesuaian untuk penanaman kapas dan padi jenis padi sawah (*wet paddy*). Arahan yang tidak praktikal ini telah ditentang oleh Tunku Abdul Rahman selaku Pegawai Daerah ketika itu. Beliau menyebut;

*“The Japanese decided that rubber did not pay and ordered rubber trees to be cut down. So some very good estates, particularly Victoria Estates, were to be turned into cotton fields and others into rice fields. But I became rather unpopular with the Japanese when I could not supply the labourers they wanted. At the same time I disagreed with the project as Kulim was a wet area and not suitable for growing cotton and was too hilly for rice cultivation.”*⁵⁷

Pihak Jepun pada 8 September 1943 menyatakan bahawa mereka telah membuat satu perubahan kepada sistem ekonomi Tanah Melayu. Mereka menyebut tentang pengawalan sistem ekonomi yang lebih teratur, dari liberal kepada satu bentuk ekonomi yang lebih terancang;

*“Reaching a turning point Malaya definitely has entered into a controlled economy, centering a round a series of economic control regulations...It is generally considered that shifting from a liberal economy to a planned economy will bolster greatly the economic reconstruction of Malaya”*⁵⁸

Namun dari segi realitinya ia tidak dapat diterjemahkan seperti yang disebarkan kepada umum. Apa yang jelas, rakyat hilang kawalan dalam ekonomi sebagaimana kerajaan Jepun itu sendiri yang hari demi hari berada di pihak yang kalah. Apa yang dirancang tidak menjadi kenyataan dan ianya tidak lebih kepada retorik semata-mata. Dalam konteks ekonomi padi ia merupakan satu zaman yang penuh dengan kepayahan kepada pesawah, pengilang malah pengguna amnya.

Kesimpulan

Perang Dunia Kedua menyaksikan Jepun membuat kejutan dengan perluasan kuasa militari mereka. Jepun telah menduduki Tanah Melayu dan mereka berjaya dalam misi perluasan kuasa mereka. Begitupun rata-rata negara yang ditawan dilihat menderita dalam penghidupannya. Perluasan kuasa Jepun begitu meluas, bukan hanya di Tanah Melayu namun hal yang sama juga berlaku di Indonesia, Filipina dan juga di IndoChina. Di Tanah Melayu demi untuk menentukan kelangsungan hajat mereka menawan India, hasil mahsul negeri telah digunakan. Paling mengecewakan rakyat Tanah Melayu menghadapi krisis makanan, satu hal yang tidak pernah ditempuhi rakyat sebelumnya. Kedah kekal menjadi sasaran bekalan, Jepun berusaha untuk terus menjadikan Kedah jelapang padi dengan mengalakkan pembukaan tanah baru, teknologi padi dua kali setahun dan pelbagai sokongan lain. Hasrat sebegitu tidak tercapai sepenuhnya apabila senario penghidupan dihimpit kesusahan dalam pentadbiran tentera Jepun.

⁵⁷ Tunku Abdul Rahman, *op.cit*, hlm.157

⁵⁸ Office of Strategic Services (O.S.S.) Research and Analysis Branch, U.S.A No.2072, “Japanese Administration in Malaya” dated 8 June 1944, dipetik dari Lee Say Lee, *op, cit*. hlm. 115

Padi tetap diusahakan namun jumlah hasil tidak sebanyak dahulu dan dilihat pertanian padi menjadi ala kadar hanya untuk saradiri semata-mata. Jika dinilai pada situasi sosial ketika itu dilihat kerja bersawah tidak lunak sepertimana zaman sebelum Perang Dunia Kedua. Jepun gagal menjelmakan suasana harmoni dan progresif dalam usaha bersawah, pentadbiran Jepun adalah punca segalanya. Mangsanya ialah rakyat negeri yang bersawah padi dan kerajaan negeri yang juga turut teradun dalam dilema bagi memenuhi hasrat Jepun ini.

Rujukan

Buku dan Artikel

- Ahmad Boestamam, Memoir Ahmad Boestamam-Merdeka dengan Darah dalam Api, Bangi: Penerbit UKM, 2004
- Ahmad Meah Baba Meah, Penaklukan Jepun, Suka Duka George Town, Kuala Lumpur: Media Indah, 1992
- Akhbar Matserohi, bil. 418 bertarikh 29.6. Tahun Syuaa 18, hari Selasa- Koleksi Kedah, Perpustakaan Negeri Kedah, Alor Setar
- Bob Recce, 'Masa Jepun- Sarawak Under the Japanese 1941-45', Kuala Lumpur: Sarawak Library Society, 1988
- Dato' James F. Agustine, 1996. Kedah Zaman Silam, Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah
- Jaafar Hamzah, "The Malays in Tasek Gelugor During the Japanese Occupation" Malaysia in History, Vol. XXI, No.2/1978
- Mohd Isa Othman, Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1992
- Mohd Isa Othman, Pengalaman Kedah Perlis –Zaman Penjajahan British, Kuala Lumpur: Utusan Pub.,2001
- Tunku Abdul Rahman, As a Matter of Interest, Kuala Lumpur: Heineman Asia, 1981, hlm,158
- Teh Koon Hoo, "Pendudukan Jepun di Yan" dalam Mahani Musa & Ahmad Jelani Halimi (Peny), Warisan Mahawangsa Kedah, Alor Setar: Persatuan Sejarah Cawangan Kedah, 2006
- Lee Say Lee, "A Study of The Rice Trade in Kedah Before and During the Japanese Occupation" Malaysian in History, No.24/1981
- "Sejarah Penanaman Padi di Kedah-Temubual dengan Tuan Hj Abd. Rahim Hj Ahmad", Koleksi Kedah, Perpustakaan Awam Kedah
- Ismail Ibrahim, Zaman Jepun di Langkawi, latihan ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1997
- "Wartawan-Wartawan Syonan Melawat Kedah, Matsuroi,1942" dalam Alor Setar 250 Tahun, terbitan Kerajaan Negeri Kedah, 1990
- Zakiah Hanum, Thought for Today and News of The Day, Kuala Lumpur: Adhicipta (M) Sdn.Bhd., 1997

Fail Setiausaha Kerajaan Kedah

SUK/K 418/87 (Jepun)

SUK/K 241/88 (Jepun)

SUK/K 465/2602 (Jepun)

SUK 810/87 (Jepun)

SUK/K 134/03 (Jepun)

SUK/K 389/2602 (Jepun)
SUK/K 292/2602 (Jepun)
SUK/K 480/2602 (Jepun)
SUK/K 480/02 (Jepun)
SUK/K 480/02 (Jepun)
SUK/K 480/02 (Jepun)
SUK/K 1115/2487 (Jepun)
SUK/K 1050/87 (Jepun)
SUK/K 55/2602 (Jepun)
SUK/K 72/88 (Jepun)
SUK /K 96/2602 (Jepun)
SUK/K 574/88 (Jepun)
SUK/K 87/2487 (Jepun)

Temubual

Hj Bakar Awang, 97 dari Kampung Tengah Mukim Keplu, Kodiang, Kedah pada 25 Oktober 2010